



**BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES
Faculty of Liberal Arts**

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU2212 Bahasa Kebangsaan A**
Trimester & Year : September - December 2018
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:**
PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
**PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tata Bahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.**
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.**
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.**

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Apabila Tahun Melawat Malaysia diisytiharkan oleh kerajaan pada tahun 1990, ia menunjukkan usaha kerajaan dalam memberikan perhatian terhadap industri pelancongan kerana ia berpotensi untuk memajukan negara. Bilangan pelancong yang datang ke Malaysia semakin meningkat saban tahun. Oleh itu, usaha mempromosikan Malaysia kepada pelancong asing mendatangkan banyak kebaikan kerana industri pelancongan ini mempunyai kepentingan dan sumbangannya yang tersendiri terhadap pembangunan ekonomi negara.

Kepentingan dan sumbangan industri pelancongan yang pertama ialah menyumbang kepada pendapatan negara. Setiap pelancong yang datang semestinya akan berbelanja untuk kemudahan asas mereka ketika melancong seperti pengangkutan dan makanan. Justeru itu, wang hasil daripada perbelanjaan tersebut akan menambahkan pendapatan negara dan dapat digunakan untuk pembangunan ekonomi dan kemudahan-kemudahan pelancongan di negara ini.

Seterusnya, dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih luas. Dalam memastikan pergerakan pelancongan berjalan lancar, industri pelancongan akan memerlukan tenaga kerja dalam bidang yang berkaitan. Contohnya, pekerja hotel, pemandu pelancong, peniaga makanan dan minuman, peniaga dan pembuat barangan kraf tangan dan sebagainya. Hal ini sekali gus, dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara ini dan taraf hidup rakyat meningkat.

Selain itu, kegiatan pelancongan yang aktif akan memudahkan kerajaan dalam menarik minat pelabur asing untuk melabur di negara ini. Di samping menarik pelabur untuk melabur dalam bidang pelancongan, industri ini juga dapat menarik pelabur untuk melabur dalam bidang-bidang lain seperti pengangkutan, pembuatan makanan, pembinaan dan sebagainya kerana semua ini saling berkait rapat. Melalui pelaburan tersebut, ia dapat dimanipulasi oleh pihak kerajaan untuk mengelakkan pembaziran yang negara demi mengindahkan kawasan yang menjadi tempat pelancongan yang semestinya akan menelan kos yang sangat tinggi.

Industri pelancongan juga dapat memajukan industri kraftangan di Malaysia. Kehadiran pelancong akan **membuka pintu rezeki** pengusaha barangan kraftangan sama ada yang tinggal di bandar mahupun di desa. Barangan kraftangan seperti kain batik, seramik, kayu, songket, kaca dan wau adalah salah satu benda yang akan dicari oleh para pelancong ketika mereka melancong ke negara kita. Selain industri kraftangan, ia dapat mengembangkan industri pembuatan makanan. Memandangkan negara kita mempunyai pelbagai kaum, jadi kita dapat merasai masakan yang berbeza seperti masakan Melayu seperti nasi impit dan ketupat, masakan Cina seperti kuih bulan dan kuih bakul dan juga makanan India seperti muruku dan tosai. Kelazatan makanan tradisi yang diperkenalkan ini dapat menarik selera pelancong untuk mencubanya ketika melancong ke negara kita. Hal ini kerana jika dibandingkan dengan negara luar, mereka tidak mempunyai kepelbagaian jenis makanan seperti yang terdapat di Malaysia.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **membuka pintu rezeki** dalam petikan di sebelah?
(2 markah)
2. Nyatakan **EMPAT (4)** kepentingan industri pelancongan berdasarkan petikan tersebut.
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** langkah untuk menggalakkan industri pelancongan di Malaysia?
(4 markah)

Petikan (ii)

Baca petikan syair di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pergi ke sekolah jangan malas
Belajar yang rajin di dalam kelas
Jaga sikapmu jangan culas
Agar hati tiada keras

Sekolah tempat mencari ilmu
Luruskan niat dan itikadmu
Belajar giat tekun selalu
Agar baik masa depanmu

Hormati olehmu para guru
Agar berkah turun padamu
Ilmu mudah masuk ke kalbu
Pertanda baik hati dan jiwamu

Hargai kawan serta sahabat
Tanda hidup bermufakat
Agar diri menjadi hebat
Terhormat serta bermartabat

Jangan sombong jangan takbur
Segala anugerah sudah diatur
Banyaklah engkau bersyukur
Iman di dada semakin subur

(Karya Gina Hayana)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan **jaga sikapmu jangan culas**? (2 markah)

2. Nyatakan **DUA (2)** nasihat yang terdapat dalam syair tersebut. (4 markah)

3. Berikan **DUA (2)** kepentingan ilmu pengetahuan pada era globalisasi ini. (4 markah)

TATABAHASA (20 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. melaksanakan
- II. membanteras
- III. mengganggu
- IV. memperuntukkan
- V. meyakinkan

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Hati ibunya terguris apabila dia didapati menyalah dalam kes rasuah di tempat kerjanya.

Kesalahan ejaan : _____
 Kesalahan imbuhan : _____

2. Pada abad ke 21 ini, bebanan kerja boleh menyebabkan seseorang itu tertekan dan berpotensi untuk tingkatan ancaman terhadap kesejahteraan pekerja itu sendiri.

Kesalahan ejaan : _____
 Kesalahan imbuhan : _____

3. Cara yang paling berkesan untuk mengurangkan stress adalah dengan mendengar muzik serta cari teman untuk berbual.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

4. Penerbitan iklan anti dadah diharap dapat memberikan sedar kepada penonton agar mereka tidak terjerumus dalam kancuh dadah.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

5. Surat berita merupakan alat yang kegunaan dan berkesan untuk menyampaikan maklumat tentang Kuala Lumpur serta mempromosi bandaraya ini sebagai destinasi pelancongan pilihan ramai.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2
ARAHAN

: **SOALAN ESEI (30 MARKAH)**
: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Bidang kulinari merupakan salah satu cabang industri perkhidmatan yang semakin mendapat permintaan tinggi di Malaysia. Namun begitu, bidang ini masih lagi mempunyai beberapa cabaran yang perlu ditempuh.

Bincangkan.

SOALAN 2

Industri pelancongan merupakan antara aktiviti keusahawanan berdasarkan perkhidmatan dapat menjana pendapatan negara dan juga meningkatkan imej negara. Tetapi, industri pelancongan mengalami masalah yang tidak dapat dijangka pada tahun lepas disebabkan tragedi-tragedi tertentu.

Huraikan beberapa halangan yang terpaksa dihadapi industri pelancongan.

SOALAN 3

Usaha berterusan membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberikan sumbangan berkesan kepada negara.

Jelaskan langkah-langkah yang wajar diambil untuk membantu golongan ini.

KERTAS SOALAN TAMAT